



**PANDUAN PELAKSANAAN  
DASAR PINJAMAN BOLEH UBAH  
SKIM PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN  
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

## 1. TUJUAN

- 1.1 Panduan Pelaksanaan Dasar Pinjaman Boleh Ubah bagi Skim Pinjaman Latihan Kemahiran ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pegawai dan pelatih/peminjam berhubung permohonan Pinjaman Boleh Ubah yang ditawarkan kepada pelatih/peminjam yang berkelayakan.

## 2. TAFSIRAN

- 2.1 Dalam panduan ini, tafsiran yang dimasukkan adalah seperti yang berikut:

“Pinjaman Boleh Ubah” - pinjaman yang telah ditukar kepada bentuk bantuan kewangan secara percuma/geran dan diberikan kepada pemohon iaitu pelatih/peminjam yang layak.

“Kumpulan B40” - kumpulan isi rumah yang berpendapatan di bawah RM4,850.

“Kumpulan M40” – kumpulan isi rumah yang berpendapatan di antara RM4,851 sehingga RM10,959.

“MySPIKE’ – ringkasan daripada Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia yang merupakan sistem yang dibangunkan untuk pengurusan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)

## 3. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 3.1 Pelatih/peminjam mengikuti latihan kemahiran yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di peringkat Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) secara sepenuh masa.
- 3.2 Pelatih/peminjam pembiayaan yang diluluskan oleh PTPK secara pinjaman dan memulakan latihan di peringkat DLKM mulai 1 Januari 2021.
- 3.3 Pelatih/peminjam berjaya menamatkan latihan dalam tempoh yang ditetapkan seperti dalam dokumen perjanjian pembiayaan latihan kemahiran PTPK.
- 3.4 Pelatih/peminjam memperolehi DLKM Terampil Cemerlang atau setaraf dengannya (minimum Nilai Gred 3.70) dan mengemukakan permohonan

yang lengkap kepada PTPK dalam tempoh 6 bulan selepas tamat latihan. Pemarkahan Kemahiran Malaysia adalah seperti di **Lampiran 1**.

3.5 Pelatih/peminjam dari keluarga dalam kumpulan B40 atau M40.

#### **4. TATACARA PELAKSANAAN**

4.1 Pelatih/peminjam perlu mengemukakan borang permohonan (seperti **Lampiran 2**) kepada PTPK dengan menyertakan dokumen-dokumen seperti yang berikut :

4.1.1 Sesalinan DLKM Terampil Cemerlang atau setaraf dengannya yang disahkan oleh Institut Latihan kemahiran Awam (ILKA) / Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) berkaitan JPK;

4.1.2 Sesalinan transkrip keputusan peperiksaan yang disahkan oleh ILKA/ILKS dan JPK; dan

4.1.3 Akaun peminjam yang lengkap diisi bersama borang permohonan.

4.2 Sekiranya pelatih/peminjam mendapat tahap keterampilan Terampil Cemerlang (minimum Nilai Gred 3.70) tetapi tidak mengemukakan permohonan dalam tempoh ditetapkan (selewat-lewatnya 6 bulan selepas tamat latihan), pelatih tersebut tidak layak mendapat kemudahan ini.

#### **5. PELARASAN AKAUN PINJAMAN BAGI KELULUSAN PINJAMAN BOLEH UBAH**

5.1 Akaun peminjam yang telah diluluskan pinjaman boleh ubah akan dilaraskan sepenuhnya mengikut amaun pinjaman yang telah diluluskan di peringkat DLKM.

5.2 Sekiranya pelarasan pinjaman boleh ubah dibuat selepas pelatih/peminjam telah membuat bayaran balik pinjaman, lebihan baki tersebut akan dikembalikan kepada pelatih/peminjam tersebut.

#### **6. PROSES KERJA DAN CARTA ALIR**

6.1 Proses kerja dan carta alir bagi **permohonan pinjaman boleh ubah** seperti di **Lampiran 3 dan 4**.

6.2 Proses kerja dan carta alir bagi **rayuan permohonan pinjaman boleh ubah** seperti di **Lampiran 5 dan 6**.

## 7. TARIKH KUATKUASA

7.1 Tarikh kuatkuasa dasar pinjaman boleh ubah ini adalah bermula 1 Januari 2022.

### **Senarai Lampiran:**

1. Jadual Pemarkahan SPKM
2. Borang Permohonan
3. Proses Kerja
4. Carta Alir

**LAMPIRAN 1**

Jadual: Pemarkahan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Kredit

Gred	Nilai Kred	Julat Markah	Tahap Keterampilan
A	4.00	95.00 - 100.00	Terampil Cemerlang
A-	3.70	90.00 - 94.99	
B+	3.30	85.00 - 89.99	Terampil Baik
B	3.00	80.00 - 84.99	
B-	2.70	75.00 - 79.99	
C+	2.30	70.00 - 74.99	Terampil
C	2.00	60.00 - 69.99	
F	0	0 - 59.99	Belum Terampil



**BORANG PERMOHONAN PINJAMAN BOLEH UBAH SKIM PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN  
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

<b>BAHAGIAN 1 – MAKLUMAT PELATIH</b>											
Nama											
No. K.P. Baru											
No Akaun Pinjaman											
Alamat Surat-Menyurat											
Poskod							Bandar				
Negeri											
Alamat Tetap <i>*Jika berbeza dengan di atas.</i>											
Poskod							Bandar				
Negeri											
Alamat E-mel											
No. Telefon (Bimbit)											
Penyedia Latihan											
Program Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) **											
<b>BAHAGIAN 2 – AKUAN PELATIH</b>											
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah mendapat DLKM Terampil Cemerlang atau setaraf dengannya (minimum Nilai Gred 3.70) seperti yang dinyatakan di atas. Segala maklumat yang saya kemukakan adalah benar dan saya adalah tidak tertakluk kepada mana-mana perkara yang boleh membatalkan permohonan pengecualian bayaran balik.</p> <p>Saya juga maklum bahawa saya boleh didakwa dan pengecualian bayaran balik pinjaman ditarik balik sekiranya didapati saya memalsukan sebarang maklumat yang berkaitan dengan pengajian dan permohonan saya ini. Bersama-sama ini juga dilampirkan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan untuk semakan dan pertimbangan pihak tuan sewajarnya.</p>											
Tandatangan											
Nama Penuh											
Tarikh											

(\*\*) Bersama-sama ini dikemukakan dokumen sokongan seperti yang berikut :

- Salinan DLKM & Transkrip Keputusan yang disahkan oleh Institut Latihan kemahiran Awam (ILKA) / Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) berkaitan JPK


## PROSES KERJA

**Aktiviti :** Meluluskan Permohonan Pinjaman Boleh Ubah

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN YANG ADA HUBUNGAN/ DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	PT (P/O)	Menerima permohonan Pinjaman Boleh Ubah Pinjaman Latihan Kemahiran daripada pelatih/peminjam lepasan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM)	PK/P	Memorandum Jemaah Menteri (No. M170/2121) KSM/DSM(R)/110/4 Jld 46 (6) melalui memo Caw. Dasar ruj. PTPK.D.400-1/6/2(2) bertarikh 20 April 2021
2.	PPT	Semakan permohonan dan pengesahan DLKM dengan JPK / Myspike	PK/P	
3.	PPT	Menyediakan Kertas Pertimbangan untuk kelulusan Ketua Eksekutif bagi pinjaman boleh ubah pelatih/peminjam.	PK/P	
4.	PPT	Memaklumkan (memo) kepada Bahagian Kewangan bagi pelarasan akaun pinjaman pelatih/peminjam	PK/P	
5.	PT (P/O)	Surat makluman / tutup lejar kepada pelatih/peminjam dan penjamin	PK/P	

CARTA ALIR

Aktiviti : Meluluskan Permohonan Pinjaman Boleh Ubah





## PROSES KERJA

Aktiviti : Rayuan Permohonan Pinjaman Boleh

BIL.	TANGGUNG JAWAB	PROSES KERJA	PEGAWAI LAIN YANG ADA HUBUNGAN/ DIRUJUK	UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA
1.	PT (P/O)	Menerima rayuan permohonan Pinjaman Boleh Ubah Pinjaman Latihan Kemahiran daripada pelatih/peminjam lepasan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM)	PK/P	Memorandum Jemaah Menteri (No. M170/2121) KSM/DSM(R)/110/4 Jld 46 (6) melalui memo Caw. Dasar ruj. PTPK.D.400-1/6/2(2) bertarikh 20 April 2021
2.	PPT	Semakan rayuan permohonan dan pengesahan DLKM dengan JPK / Myspike	PK/P	
3.	PPT	Menyediakan Kertas Pertimbangan untuk kelulusan Ketua Eksekutif bagi pinjaman boleh ubah pelatih/peminjam.	PK/P	
4.	PPT	Memaklumkan (memo) kepada Bahagian Kewangan bagi pelarasan akaun pinjaman pelatih/peminjam	PK/P	
5.	PT (P/O)	Surat makluman / tutup lejar kepada pelatih/peminjam dan penjamin	PK/P	

CARTA ALIR

Aktiviti : Meluluskan Rayuan Pinjaman Permohonan Boleh Ubah

